

## Hatten Land raih AS\$20j bagi biayai projek di Melaka

Utusan Borneo (Sabah) 24 Sep 2017

KUALA LUMPUR: Hatten Land Limited yang disenaraikan di Bursa Singapura memeterai perjanjian dengan Haitong International Financial Products (Singapore) Pte Ltd untuk meraih sehingga AS\$20 juta melalui perjanjian pinjaman boleh tukar untuk mempercepatkan pembangunan hartanahnya di Melaka.

Hatten Land berhasrat untuk menggunakan AS\$18.80 juta daripada hasil bersih untuk membiayai projek pembangunan di Melaka, termasuk mempercepatkan pembangunan Hatten City Fasa 2 dan penambahbaikan Fasa 1.  
— Bernama

Source: [Pressreader](#)